KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | UTUSAN MALAYSIA | | | |
| TARIKH | : | 12/8/2021 (KHAMIS) | MUKA SURAT | : | 24 |
| JABATAN | : | TNB | | | |

## TNB tawar 2,500 My Brighter Future

UM, 12 Ogos 2021_24

**PETALING JAYA:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) menawarkan 2,500 dermasiswa My Brighter Future (MyBF) untuk 2021 kepada golongan B40 tanpa ikatan yang keseluruhan perbelanjaan berjumlah RM1.2 billion, bagi tajaan melanjutkan pendidikan.

Pengerusinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, mereka akan menerima tajaan pada tahun ini di mana bagi tahunan dengan setiap seorang di peringkat ijazah pertama adalah berjumlah RM10,000, diploma RM9,000 dan sijil pula adalah RM6,600.

Katanya, MyBF diberikan kepada pelajar tanpa permohonan dan proses temuduga, malah, tiada bayaran balik dengan calon kelayakan dipilih daripada pengkalan data Bahagian Kemasukan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dengan padanan dibuat dengan keluarga yang tersenarai dalam sistem Bank Data Kemiskinan Nasional, eKasih.

"Dermasiswa MyBF adalah kerjasama TNB dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menyelaras dengan mengenal pasti calon layak daripada keluarga berpendapatan rendah dengan membantu pelajar di tujuh universiti awam, politeknik dan kolej komuniti terpilih.

"Antaranya Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM)," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Mahdzir, meskipun pandemik Covid-19 yang terus memberi kesan kepada semua sektor ekonomi bukan penghalang untuk TNB untuk tetap meneruskan tajaan dermasiswa, biasiswa dan pinjaman pendidikan boleh ubah TNB menerusi Yayasan Tenaga Nasional (YTN).



MAHDZIR KHALID